

# Chantek

*Sebuah Koleksi Drama*



*Aidli Mosbit*

Young Artist  
Award  
Recipient

This is 2016. Going 2017.  
Go ahead. Insta it,  
FB it, Tweet it...  
**#bukuchantek.**

# *Chantek*

Sebuah Koleksi Drama

*Aidli Mosbit*



COPYRIGHT

Scripts © Aidli Mosbit  
Commentary Essays @ Respective Writers, 2015

First Edition, 2016

Published by Azizah Zakaria

azizakaria@gmail.com

Book Cover Design by Zai Sapari

Printed by Dominie Press, Singapore.

ALL RIGHTS RESERVED

Except for the quotation of short passages for the purpose of criticism and review, no part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying, recording or any information storage and retrieval system, without the prior written permission from the publisher or author(s).

PERFORMING RIGHTS

Professional and amateur groups wishing to stage these plays or perform a public reading of them must get written permission from Aidli Mosbit (aidlimosbit@gmail.com)

ISBN 978-981-09-3548-1

With the support of



This book is a labour of love and is dedicated to my late Bak (Salleh Mosbit), my dearest Mak Enah, Jojo & Roy, Bid & Siti, Nenek and my late Tok Jaafar, my nephew Emre Mosbit and my future nieces & nephews, my godsis Ninik, my Begum Siti K, Najib, Memeh, Datin Shida, MJ Moli, Yaya, Big, Oni, Zizi, Ayahanda M. Saffri, Ziz Za, my Master Mentors Alvin, Hareh, Heng Leun, Ivan, Sonny, ITE Theatrical Ensemble, TP Teatro and my Understanding Theatre students, my Adeks; Alfian, Amin, Ajit, Ahmad, Raimi, Taufiq, my Doll Hatta & my Angel, the late Usman... and of course, Fairoz & Ahboy!

Ruang Mereka: Yang Menyinggung dan Yang Menyimpang  
*Dr Azhar Ibrahim*

**KOSOVO** 1

Devised Theatre –  
Beralih Dari Kosovo, Mengolah Teater Hingga Ke Hari Ini  
*Aidli Mosbit*

**...DAN TIGA DARA TERBANG KE BULAN** 27

'...Dan Tiga Dara Terbang Ke Bulan' Inspired Me To Write  
*Zulfadli Rashid*

**IKAN CANTIK** 71

Ikan Cantik: Martabatkan Diri Dengan Cara Sendiri  
*Rafeyah Abdul Rahman*

**MAIN2** 127

Main2:  
Chasing Happiness Through The Game of Life  
*Zizi Azah Abdul Majid*

**LA LIBRE LATIFA** 183

*La Libre Latifa:*  
Cinta Hadir Bila Kita Berani Memeluk Kebahagiaan  
*Molizah Mohd Mohter*

**IMPENJARAMENT** 207

Impenjarament Yang Menakjubkan  
*M Saffri A Manaf*

**BETRAYED BABIES** 239

Of Betrayal, Babies and Bursting at My Seams  
*Oniatta Effendi*

**FEWLING!** 295

Fewling: Not An Ordinary Love Story  
*Shida Mahadi*

About the Playwright



## Ruang Mereka: Yang Menyinggung dan Yang Menyimpang

"The being becomes human when it invents theatre... The theatrical profession, which belongs to a few, should not hide the existence and permanence of the theatrical vocation, which belongs to all. Theatre is a vocation for all human beings: it is the true nature of humanity."

Augusto Boal

Ruang mereka adalah pentas mencipta dan mentakrif kebudayaan. Drama teater adalah antara ruang mereka kebudayaan. Di tanahair kita, usaha merekacipta budaya terus berlangsung, dan setiap kohort generasi memiliki gerombolan dan tokoh-tokoh yang terkedepan menghasilkan drama teater, sesuai dengan lingkungan masa yang melatari, serta pegangan dan kecenderungan fikiran gerombolan dan tokoh masing-masing. Tidakpun suatu tokoh atau gerombolan ini bergerak dalam kekosongan budaya, masa dan ideologi. Inilah juga yang dapat kita kesani dalam koleksi drama teater ini.

Koleksi teks-teks drama teater oleh Aidli Mosbit hadir dalam suasana kita mulai berganjak untuk menghimpun karya-karya tercipta serta mengkaji nilai dan pemikiran yang terkandung bersamanya. Sudah tiga dekad berlalu, dan tentu sebelumnya itu, banyak drama teater Melayu yang dipentas dari pelbagai kumpulan di republik ini. Tahun-tahun 80an dan 90an itulah waktu-waktu Aidli mulai berkarya, berlakon dan bereksperimen.

Aidli Mosbit adalah seorang anak seni yang berbakat besar dan berani. Drama teater menjadi forum beliau menggerakkan idea, dibungkus dalam gaya tersendiri, dikupas tanpa mengendah sangat apa yang sering dibatasi dalam benak dominan, darihal yang jarang danantang dipertanyakan, dan tanpa pula ia asyik berdengung mengisytiar karyanya begitu dan begini.

Dari kumpulan teks drama teater ini ia memperlihatkan stamina Aidli dalam berkarya, sekaligus menunjukkan kepelbagaian tema yang telah beliau bernaftu menerokai. Pembukuan teks-teks drama teater ini tepat pada masanya. Ia akan membolehkan kajian dibuat berkenaan perkembangan drama di negara ini, mahupun kajian kritis ke atas ilhamkarya Aidli sendiri bersama teman-temannya. Teks drama teater adalah dokumen kebudayaan yang wajar diberikan perhatian. Kajian dan apresiasi drama teater, bukan sahaja wajar dilakukan sewaktu ia dipentaskan tetapi juga harus diikuti oleh analisis, yakni diteliti dari aspek makna dan mesej sosialnya, perlawanan dan pembungkaman kiranya ada, ataupun sekadar mereproduksi ideologi dan hegemoni yang masih bertahan.

Terdapat beberapa jalur yang boleh kita kenalpasti dari karya-karya Aidli dalam koleksi ini. Walaupun ini imbasan awal, yang selayaknya dibaiki dengan kajian tuntas di masa menjelang, kita rasa baiknya diulas sedikit sebagai tanda penghargaan ke atas hasil karya drama teater ini.

Pertama, percubaan Aidli beragam. Contohnya pementasan drama Kosovo bernada serius, berbanding karya-karya beliau yang lain. Rata-rata yang lainnya itu lebih lunak, bersantai, berhilai dan nakal. Tetapi ia bukanlah percubaan yang boleh kita tepis mudah sebagai cetek dan dangkal. Ia wajar difikirkan sebagai imbasan kepada keresahan, kegelisahan, keterpisahan serta pencarian makna dalam konteks sejarah di mana tradisi berbaaur dengan kemodenan. Itulah periode waktu di mana yang lama yang rapuh belum tertanggal semua, sedangkan yang baru jenis jengkel belum dapat dibedakan daripada jenis yang baik dan bermutu. Itulah zaman pencarian makna baru di tengah-tengah masyarakat yang semakin kompleks, dengan segala macam cabaran dan potensinya.

Berkaitan dengan ini ialah keseringan paparan beliau tentang wanita yang mahu dan boleh bersuara mempersoalkan kudrat yang kononnya telah ditetapkan kepada mereka. Banyak adegan dalam drama teater Aidli mengarah ke situ. Kadang dibuat secara terangan, kadang dibuat secara halus. Beliau mengungkitkan wanita yang hidup dalam lingkungan patriaki, masyarakat yang senang menghidupi suasana sosio-politik yang tegas dan tidak senang kepada apa jua penyimpangan daripada tata hukum yang mereka telah ciptakan.

Kedua, penyanggahan terhadap ungkapan dan idea klise sering dapat kita ketemuan. Di sinilah unsur realisme yang diangkatnya menjadi lunak, mesra, dan mendetik kebersamaan kepada khayalak Melayu Singapura, yang rata-rata dari kelompok yang seragam status bawahan dalam struktur ekonomi dan sosial negara ini. Yang paling menyayat hati adalah ungkapan-ungkapan realis yang terkumandang dari penceritaan tentang pengalaman seharian golongan *underdog* yang kita tahu bergelumang dengan pelbagai himpitan dan hinaan. Inilah sisi manusiawi yang ditampilkan dalam karya-karya Aidli, termuat dalam timbunan dialog drama yang bersahaja, dengan sakat, tawa dan hiba.

Ketiga, berkenaan ragam permainan kata sering terdapat dalam karya-karya beliau. Langgam bahasa harian membuat teks drama beliau sangat bersifat merakyat, bukan pula teks drama alam purbawara dan indraloka, melainkan terlagu pengalaman seharian yang dilalui orang kebanyakan. Sering ia dibaluti dengan kelucuan namun kuat juga nada sindiran guna mengajak kita berfikir tat kala kita ketawa hilai mendengarnya. Gurauan, sindiran, teguran dan gundahan itulah yang diadun baik dalam teks-teks drama beliau. Inilah penolakan halus dalam tawa dan usikan. Bagi sesetengah ini bukan usaha serius melainkan permainan dan kesantian berhibur. Kesimpulan seperti ini senang dibuat sekiranya kita gagal melihat seni sebagai penyusupan idea kritis, tetapi sebaliknya hanya mencitakan ia sebagai ceramah khutbah dengan pesan dan amaran.



Makanya dalam jenaka dan usikan harus dapat kita kesan celahan yang dibuat yakni menyinggung perkara-perkara yang kita telah mudah terima sebagai "benar dan betul", tanpa menyiasat kebatilan dan kerosakan beberapa andaian yang telah dipegang itu. Inilah wadah drama dalam suasana politik dan masyarakat yang gusar kiranya kita terlalu lantang bersuara. Tetapi lewat seni, yang kiranya bijak memanfaatkan ungkapan kritis secara kreatif, memperkatakan hal-hal ini dapat dibuat, di saat penulisan kebudayaan dan ilmiah, menjauhi perkara-perkara atas nama berobjektif atau *politically correct*.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan Aidli mengatur dialog dengan menghimpun beberapa kekuatan-ungkapan kolokial yang bersahaja, ragam bahasa yang sering kita dengar dikalangan mereka dari kelas pekerja ataupun orang-orang biasa sahaja, tanpa berpretensi mahu berfalsafah, menurut kalimah hikmah, ataupun beralim berceramah. Banyak adengan yang disulami oleh perbualan seharian yang menciut hati pendengar/penonton. Yakni suatu keupayaan mencungkil ingatan, lantas membuka imaginasi kita. Terkadang, celotehnya bersahaja kadang sedikit celupah kadang lagi menunjukkan *childhood innocence* yang kita semua pernah lalui.

Ruang mereka adalah ruang singgungan terhadap hal-hal yang tidak munasabah, dangkal, tidak rasional, kejam, aniaya, prejudis, hipokripsi, moralisme, kekolotan dan ketaksuban dan yang lain-lain. Inilah kesanggupan kesenian dan keberanian moral untuk berdepan dengan penyimpangan dari asal muasal hidup yang manusiawi. Pentas drama menjadi forum memikirkan idea yang selama ini kita pegang malah hargai. Kita tidak perlu setuju namun apa yang disinggung sukar untuk kita nafikan begitu sahaja.

Dari deretan karya-karya Aidli, malah dari teman-teman seangkatannya, generasi ini melepaskan diri dari cetak drama purbawara indraloka, maupun yang sedikit realis, yakni sandiwara manjaralela. Aidli adalah antara dramawan eranya yang berani bereksperimen dengan tema-tema yang dahulunya dianggap *taboo*, yakni yang berpaltan dengan agama, seks, ekonomi dan bangsa. Tetapi inilah juga sekelompok yang lain senang berfatwa kata bahawa isi dan cara bereksperimen ini adalah penyimpangan dari "luhur budi, kesantunan, adab dan agama" sebagai alasan ketidaksenangan mereka masing-masing. Seting inilah yang terjadi dalam masyarakat apa pun. Begitulah Eric Bentley pernah mengingatkan: "experiment in the arts always reflects historical conditions, always indicates profound dissatisfaction with established modes, always is a groping toward a new age." (*The Playwright as Thinker*, 1967:1)

Proses berkarya dan bereksperimen pada yang baru adalah keberanian dan ketekalan berdepan teguh mempersoal belenggu dan ketakutan, tanpa segan, tanpa tersekat dengan batasan. Inilah kerja anak seni yang wajar diiktiraf, sekalipun mereka juga tidak terlepas dari kesalahan dan kerancuan berfikir. Tetapi inilah kerja kebudayaan yang bertimbal menambah yang kurang, menampal yang tersopak, dan mengganti yang terlusuh. Rasanya inilah arah Aidli dalam ruang mereka drama teater yang

realis dan humanis. Harapan besar kita agar Aidli terus menulis dan membangun ragam dan langgam drama teaternya dengan teguh dan bersungguh di masa menjelang. Kekata harapan dari Emile Zola, seorang penulis naturalis Eropah yang tersohor, sebaiknya disematkan dengan harapan ini:

"The drama dies unless it is rejuvenated by a new life. We must put new blood into this corpse...The drama is dying its own fine death. It is dying of extravagances, lies and platitudes... we must look to the future and the future will have to do with human problem studied in the framework of reality. The drama will either die or become modern and realistic."(Ibid, h. 5-6)

Dr Azhar Ibrahim  
Jabatan Pengajian Melayu  
Universiti Nasional Singapura



KOSOVO



# KOSOVO

Drama ini dipentaskan di Pusat Drama di Canning Rise pada 21 dan 22 Januari 1993.

## Pelakon

Junainah Yusoff  
Faridah Buang  
Farah Idaman Asmat  
Mokhtar Ibrahim  
Judirman Rubaii  
Rosli Jantan  
Emanorwatty Md. Salleh  
Fatimah Endut  
Norhayati Hj Maksom  
Romizad Yusoff

## Watak

Katrina  
Marrissa  
Natasia  
Arkadi  
Dmitri  
Ilyas  
Nadira  
Kamiliya  
Kadijia  
Fahizun

Kosovo dihipit oleh keraguan. Kosovo terlalu dekat dengan kesengsaraan. Kosovo juga hampir pada harapan dan kedamaian. Jadi bagaimana? Bagaimana dengan mereka yang senasib dengan Kosovo? Masa depan Fahizun, Ilyas, Nadira, Kadijia dan Kamil(iya) yang berteduh di dalam kawasan larangan tidak terjamin, malah ianya mengelirukan. Mungkin Kosovo adalah mengenai peperangan, mungkin juga keagamaan, mungkin...berbagai kemungkinan. Yang pasti kisah ini boleh berlaku di mana-mana. Ia berlaku di Kosovo.

The Straits Times, Wednesday, January 20, 1993

Community

Page Eleven

She is only 19, but Aidli Mosbit is the author and director of the play Kosovo, about religious strife in Bosnia, under the Teater Kami Youth Project. TUMINAH SAPAWI reports.

## A play set in Bosnia

NINETEEN-YEAR-OLD AIDLI Mosbit is already a playwright and director. Her play, *Kosovo*, is being staged over the next two nights in conjunction with the annual Teater Kami Youth Project.

The bubbly former student of Townsville Institute discovered the title town of Kosovo in southern Serbia while reading a news magazine. Learning about the place, where a million ethnic Albanians are fighting for independence, spurred her to find out more about its history.

Her research on Kosovo began soon after she finished her A-level examinations last November.

"That was when the thought of writing a drama script came up. I became very excited. But that was only in the beginning. I didn't realise how difficult writing a drama script is. It takes a lot of discipline and careful research," she says.

Aidli does not have any writing experience nor has she attended script-writing classes.

"I had acted in several plays before, and that gave me a chance to see how a script was written. That was the only so-called experience I had."


"Naturally, the script went through several rewrites. Even at this stage, we are still changing a line here and there," says Aidli, who does not mind rewriting one bit.

Unlike the real-life happenings in Kosovo, the play of the same name is about five Muslim Bosnians, Ilyas, Fahizun, Nadira, Kadijia and Kamiliya, who flee Bosnia when civil war erupts there.

The five, who landed to reach nearby Macedonia, meanwhile take refuge in a cathedral in Kosovo. Katrina, Arkadi, Natasia, Marama and Dmitri are five men who provide shelter to the Muslim women in the basement of the cathedral. Their hideout is later discovered and sparks a religious conflict between the members of the two religions.

"What we are trying to say is that religious conflict can happen anywhere. In this play, it happens in Kosovo," says Aidli, who will be directing the play.

"This is my first attempt at directing a play. It's an opportunity, really."



The climax of the play when the tragedy of religious strife strikes the Bosnian town of Kosovo.



What we are trying to say is that religious conflict can happen anywhere. In this play, it happens in Kosovo.

—Aidli Mosbit (above) on her play

by," says Aidli, who feels her age is not a barrier to getting the support of her actors and actresses.

"The actors and actresses are younger than me. In that sense, I'm their leader, although I'm new to writing and directing. In such a situation, where everyone is new to each other, you have to build up friendship and trust first."

"We sat together before rehearsals. And after rehearsals we adjourn to the nearby Newton Hawker Centre for a drink and some snacks. That way, we get comfortable with each other. But at the same time, I have to let them know who is in command," says Aidli, the eldest of three children.

Her father, Mr Mosbit S., a former

slaver with the band Les Kaffins, which was popular in the '60s, was initially indifferent to her participation. But seeing how serious Aidli was getting about theatre, her father now gives her moral support and even throws in some ideas.

The production is run by the students themselves, with Teater Kami giving assistance in publicity and fi-

nance. Last year, the controversial *Anak Melayu* (Malay Children), which sparked a furor among audiences because of its obscene language and suggestive gestures, was staged.

Teater Kami's coordinator explained that the youth project gives students a chance to express and explore themselves in theatre, as well

as to give them first-hand knowledge of stage production and stage management.

*Kosovo* will be staged at the Drama Centre tomorrow and on Friday at 8 pm. Tickets at \$5 are available from Victoria Theatre, Drama Centre and the Teater Kami Office at 126, Canning Road.



Pages have been omitted from this book preview.



Tirai dibuka

### **Babak 1**

Kelihatan segerombolan pelarian sedang dibawa oleh Katrina dan rahib-rahib yang lain bersembunyi di bawah tanah. Fahizun sedang diusung dalam keadaan cedera parah. Nadira memberi bantuan kecemasan. Suasana agak cemas. Kemudian muncul Natasia membawa sebalai air dengan beberapa helai tuala dan disusuli pula Marrissa membawa bersamanya beberapa helai selimut.

Katrina Untuk malam ini kau terpaksa merawatnya. Saya akan cuba mendapatkan bantuan.

Lampu dipadamkan.

### **Babak 2**

Katrina sedang membaca kitab injil dan serentak itu muncul Dmitri agak tergesa-gesa sambil membawa bungkusan ubat-ubatan.

Katrina Dia sudah datang... ?

Dimitri hanya mengangguk dan disusuli oleh Arkadi.

Katrina Mereka berada di bawah.

Arkadi Dia... ?

Katrina Ayuh cepat...!!

Lampu dipadamkan perlahan-lahan.

### **Babak 3**

Keadaan cemas apabila Fahizun sedar dari pengsan. Dia menjadi marah apabila melihat Marrisa yang cuba merawatnya.

Fahizun (Cuba menepis – dalam kesakitan) Di mana aku sekarang... ?

Kadijia (Gembira) Syukur kau telah sembuh.

Fahizun (Menyampuk cepat) Di mana aku sekarang... ???

Kadijia Semalam keadaan kau agak parah. Kami tersekat. Kami terpaksa...

Fahizun Kenapa dia berada disini... ? Siapa dia... ?

*Serentak ini muncul Arkadi dan Katrina.*

Ilyas Merekalah yang telah menyelamatkan kami.

Fahizun Jadi tempat ini...?

Katrina Kau masih belum sembuh sepenuhnya. Kau masih memerlukan rawatan. Dia akan membantu kamu.

*Nadira terkejut apabila melihat Arkadi muncul. Mereka hanya berpandangan.*

Katrina Namanya Arkadi.

Fahizun Kita tidak perlukan bantuannya dan kita tidak perlukan bantuan sesiapa pun... !

Arkadi Kau perlukan banyak berehat, kau kelihatan lemah. Izinkan aku merawatmu.

Fahizun Tidak, kamu semua tidak boleh menyentuh aku. Aku tidak rela tangan-tangan kafir kamu semua menyentuh tubuhku. Bapak, kita harus tinggalkan tempat ini sekarang juga, sebelum kita dikafirkan oleh mereka- mereka itu. Perjalanan ini harus diteruskan.

Ilyas Fahizun kau terlalu...

Fahizun Kenapa... ?! (Ketawa sinis) kenapa Bapak... ?? Salah? Salah ke?... (Ketawa) syabas! Mereka sudah berjaya mempengaruhi Bapak... !

*Serentak ini Katrina, Arkadi dan Marrisa pun beredat pergi.*

Ilyas Terlalu berat tuduhanmu Fahizun.

Fahizun Kau... kau... kau... !!

Kadijia Kita tidak punya pilihan lain.

Fahizun Karut! Kamu semua terlalu mudah menyerah diri pada simpati yang kabur. Kamu terlalu daif sehingga percaya pada bantuan yang rapuh.

Ilyas Kau yang terlalu daif dalam persoalan ini.

Lampu dipadamkan.



Pages have been omitted from this book preview.




# *Chantek*

## *Sebuah Koleksi Drama*

**Koleksi** 8 buah drama tulisan *Aidli Mosbit* yang berjudul CHANTEK ini memuatkan karya-karya seperti Kosovo, ...Dan Tiga Dara Terbang Ke Bulan, Ikan Cantik, Main2, La Libre Latifa, Impenjarament, Betrayed Babies dan Fewling.

Turut dilampirkan juga esei-esei komentar mengenai proses penulisan dan pembikinan drama-drama yang telah dipentaskan ini. Antara para karyawan seni yang menyumbangkan esei mereka ialah Cikgu Zulfadli Rashid (BIG), Cikgu Rafeyah Abdul Rahman, Zizi Azah Abdul Majid, Molizah Mohd Mohter, M. Saffri A. Manaf, Oniatta Effendi dan Shida Mahadi.



978-981-89-3548-1